

Artikel

**Modal Budaya dan Kebergantungannya Kepada Generasi Kedua Kelapa Sawit: Kajian Kes Pekebun Kecil Sawit di Jengka 5, Maran, Pahang**

*(Cultural Capital and Its Dependency on The Second Generation of Oil Palm: A Case Study of Independent Oil Palm Smallholders in Jengka 5, Maran Pahang)*

Nur Dania Asyiqin Zulkifli & Azima Abdul Manaf\*

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [azima@ukm.edu.my](mailto:azima@ukm.edu.my)

Diserah: 21 September 2024

Diterima: 21 November 2024

**Abstract:** Industri pertanian merupakan sektor ketiga terpenting dalam ekonomi Malaysia dengan sumbangan besar kepada pengeluaran dan eksport minyak sawit global. Kejayaan industri ini telah menarik minat generasi kedua untuk terus kekal sebagai pekebun kecil. Kebanyakan pengkaji lepas melihat faktor yang menyebabkan generasi kedua terus kekal sebagai pekebun dalam industri sawit, hanya dalam konteks modal ekonomi dan modal sosial semata-mata. Namun, tiada kajian yang menekankan peranan modal budaya dalam memastikan kesinambungan generasi kedua dalam industri sawit. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti elemen modal budaya yang menjadi faktor pendorong pekebun kecil terus kekal dalam industri sawit dan menganalisis tahap pengaruh elemen-elemen tersebut terhadap keberadaan generasi kedua di dalam industri sawit. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif melibatkan 151 pekebun kecil generasi kedua di kawasan kajian, yang memberikan pandangan dan respons melalui borang soal selidik. Hasil kajian mendapati enam elemen modal budaya yang mempengaruhi keberadaan generasi kedua dalam industri sawit. Elemen-elemen tersebut termasuklah sikap, budaya kebendaan, faktor persekitaran, nilai, kemahiran, dan pengetahuan, yang kesemuanya mempengaruhi tingkah laku generasi kedua untuk terus kekal sebagai pekebun kecil dalam industri kelapa sawit. Implikasinya, keberadaan golongan generasi kedua sebagai pekebun kecil sangat dipengaruhi oleh modal budaya dalam konteks sikap, budaya kebendaan, faktor persekitaran, nilai, kemahiran dan pengetahuan. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan perlu memberi penekanan kepada elemen tersebut yang mempengaruhi tingkah laku mereka untuk terus kekal dalam industri sawit ini.

**Kata kunci:** Pekebun kecil; kelapa sawit; modal sosial; generasi ke-2; industri sawit

**Abstract:** The agricultural industry is the third-largest sector in Malaysia's economy. This sector has achieved great strides, contributed significantly to the production and export of palm oil worldwide, and attracted the interest of the second generation, who now want to persist as smallholders in the oil palm industry. Most previous research on the second generation of oil palm smallholders focuses only on economic and social capital, neglecting the role of cultural capital. However, no study has focused on the role of cultural capital in ensuring the continued presence of the second generation in the palm oil farming industry. This study aims to identify the cultural capital elements that drive smallholders to stay in the oil palm industry and analyze their impact on the continued presence of the second generation in the sector. This quantitative study uses a questionnaire completed by 151 second-generation smallholders in the study area, who provided their views and responses to the research questions. The results of the study found that there are six elements of cultural capital include elements of attitude, material culture, environmental factors, values, skills and knowledge

influencing the behavior of the second generation to continue as smallholders in the oil palm farming industry. The findings suggest that the second generation's continued involvement as smallholders is influenced by cultural capital, including attitudes, material culture, environmental factors, values, skills, and knowledge. Therefore, the government should focus on these cultural elements to support their retention in the oil palm industry.

**Keywords:** Small holder; palm oil; social capital; second generation; palm oil industries

---

## Pengenalan

Industri kelapa sawit penyumbang ke-empat terbesar kepada ekonomi dan agroindustri negara. Industri ini telah menonjolkan kemajuan yang ketara dan memberi sumbangan yang besar kepada pengeluaran dan eksport minyak sawit dunia (Ferdous et al., 2015; Noordeyana et al., 2021). Walaupun begitu, perkembangan pesat industri ini telah menimbulkan pelbagai isu, antaranya pergantungan terhadap pekerja asing di sektor perladangan. Dianggarkan sebanyak 446,368 orang pekerja dalam sektor perladangan sawit iaitu sebanyak 69 % terdiri daripada buruh asing (Abdullah et al. 2016) Majoriti pekerja yang diambil adalah pekerja asing dari negara-negara jiran seperti Indonesia, Bangladesh dan Myanmar (Nazura Ngah et al., 2017). Sebaliknya bagi pekebun kecil tempatan, statistik menunjukkan sebanyak 43.8 % pekebun daripada golongan yang berumur 55 tahun dan ke atas. Manakala hanya 25.3 % sahaja terdiri daripada golongan berumur 15 hingga 40 tahun (Saad et al., 2016). Implikasi daripada kekurangan tenaga buruh di ladang kelapa sawit ini telah menyebabkan tuaian tertangguh dan mengekang pengeluaran.

Dalam masa yang sama, terdapat pelbagai tindakan yang dilakukan oleh pihak kerajaan mahupun agensi kerajaan untuk menarik lebih ramai pekebun kecil tempatan meneroka industri pertanian kelapa sawit. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah mempromosikan industri kelapa sawit kepada golongan muda dengan mengadakan kursus dron pilot pertanian bagi melatih anak peneroka terlibat dengan teknologi untuk digunakan dalam kerja-kerja perladangan (Ehsan, 2022). Kursus seperti ini penting untuk menggalakkan penggunaan teknologi di ladang-ladang kelapa sawit agar dapat memudahkan kerja sekaligus menarik minat orang muda untuk melakukannya. Oleh yang demikian, penggunaan mekanisme ini amat penting supaya dapat membantu meringankan kerja di ladang. Malah, FELDA juga sedang giat membantu generasi baharu untuk menjadi *offtaker* supaya tiada masalah pasaran bagi pengeluaran daripada projek ini (Ehsan, 2022). Selain itu, penawaran skim insentif dan gaji yang menarik juga antara langkah yang diambil bagi mengatasi kekurangan tenaga kerja tempatan di ladang kelapa sawit negara (Mohd Anwar et al., 2018). Pada waktu yang sama, pihak FELDA juga menawarkan insentif caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), elaun perumahan, elaun kenderaan, rawatan perubatan di hospital kerajaan dan pesakit luar, insurans berkelompok, bantuan pengurusan jenazah, sumbangan hari raya serta bantuan persekolahan anak kepada pekebun kecil sawit.

Walaupun terdapat pelbagai tindakan yang bersepadu untuk mempromosikan dan mewujudkan kesedaran tentang potensi industri kelapa sawit ini dalam kalangan pekebun kecil tempatan, sebilangan daripada mereka tidak berminat untuk bekerja di ladang. Malah, mereka lebih tertarik untuk memilih sektor pertanian sebagai pilihan ketiga selepas sektor perkilangan dan runcit (Statistik Sumber Manusia Malaysia, 2013). Kajian yang dilakukan oleh Fuzirah et al. (2019); Norhasni et al. (2015); Suriashah et al. (2020) menunjukkan bahawa sejumlah besar masyarakat tempatan mempunyai persepsi negatif terhadap industri minyak kelapa sawit. Antara stigma yang sering bermain difikiran mereka adalah tenaga kerja yang berat, kepuasan kerja yang rendah dan keadaan pekerjaan yang tidak memberangsangkan. Selain itu, pekebun kecil sering menghadapi isu kemiskinan akibat pendapatan yang rendah (Suraiya et al., 2022). Oleh yang demikian, Polisi yang bersesuaian untuk mengatasi halangan yang mengganggu kelancaran rantaian penciptaan nilai pendapatan pekebun kecil termasuk langkah-langkah untuk meredakan ketidakpastian harga komoditi, mengurangkan tekanan dari penggunaan buruh asing, dan memberi fleksibiliti dalam peraturan berkaitan kenderaan pengangkut buah sawit (Suraiya et al., 2022).

Dalam masa yang sama, kajian oleh Roslina et al. (2016) juga mendapati bahawa persekitaran tempat kerja ladang kelapa sawit dianggap tidak menarik dan kotor, membuatkan masyarakat tempatan kurang minat

untuk menyertai industri ini. Selain itu, masalah yang dihadapi oleh pekebun sawit adalah tahap pendapatan yang rendah secara berterusan adalah faktor yang menyebabkan ramai petani terperangkap dalam kemiskinan dan tidak mampu membuat pelaburan yang secukupnya bagi kebun mereka serta menjadi sebab belia berhijrah meninggalkan kawasan luar bandar (Oxfam, 2018; Sulistyati et al., 2019; Waart et al., 2021). Dalam masa yang sama, bekerja di sektor perladangan sering dikaitkan dengan kesukaran dalam mengembangkan kerjaya, kehidupan luar bandar yang menyukarkan serta pekerjaan sektor 3D iaitu sukar, kotor dan bahaya (*difficult, dirty and dangerous*) (Kamaruddin et al., 2018). Persepsi ini mungkin sudah sebatu dalam pemikiran rakyat tempatan dan seterusnya menjadi punca kepada kekurangan penyertaan golongan tempatan untuk bekerja di sektor perladangan kelapa sawit negara.

Walaupun begitu, terdapat sebilangan pekebun kecil tempatan yang masih kekal aktif dalam sektor perladangan sawit. Hal ini berlaku adalah disebabkan oleh, dua faktor iaitu modal ekonomi dan modal sosial. Dari segi ekonomi, pekebun kecil memperoleh pendapatan yang lumayan hasil daripada titik peluh dan pembabitan secara langsung mereka dalam sektor pertanian kelapa sawit. Hal ini adalah disebabkan oleh peningkatan harga komoditi yang memberangsangkan di pasaran dunia. Malah, pekebun kecil sawit mempunyai pilihan untuk mendapatkan sumber pendapatan selain daripada kelapa sawit. Ini bermakna, mereka juga dapat bekerja sambil sama ada di ladang kelapa sawit majikan atau kerja sambil yang lain seperti perniagaan sendiri, bekerja di kedai runcit, pembersih rumah dan sebagainya. Menurut Stone (dalam Tonsun, 2000) menjelaskan bahawa seseorang individu akan melibatkan diri dalam pelbagai jenis pekerjaan demi mendapatkan pendapatan yang secukupnya agar kualiti hidup mereka meningkat. Dalam konteks ini, pekebun kecil akan menggunakan masa lapang selain daripada penanaman kelapa sawit untuk bekerja dalam sektor lain untuk mendapat pendapatan selain daripada kelapa sawit dan sekaligus akan meningkatkan kualiti hidup keluarga mereka. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, modal ekonomi merupakan salah satu faktor pekebun kecil terus kekal dalam industri pertanian kelapa sawit.

Selain itu, faktor sosial juga memainkan peranan dalam keberadaan pekebun sawit terus kekal dalam industri pertanian kelapa sawit. Hal ini dikatakan demikian kerana, kejayaan pertanian dicapai melalui kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas (Idris, 2004). Sebagaimana yang diketahui, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau FELDA memajukan tanah untuk dijadikan sebagai kawasan pertanian yang produktif dan memaksimumkan hasil yang bermutu di samping membangunkan penempatan penduduk yang dilengkapi dengan kemudahan asas dan sosial yang lain (Idris, 2004). Kawasan tanah rancangan ini menerima kemudahan asas yang cukup termasuk sekolah, klinik, bekalan air dan elektrik, telefon dan pejabat pos di samping jalan raya. Dengan keadaan sedemikian, telah mendorong pekebun-pekebun kecil untuk terus kekal kerana penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lengkap dan memudahkan kelangsungan hidup mereka sebagai pekebun kecil sawit. Walau bagaimanapun, kajian mendapati FELDA menghadapi pelbagai isu, termasuk model tanam semula yang tidak lestari, kehilangan tanah, pendapatan dan dividen yang tidak memenuhi jangkaan, kejatuhan harga sawit, kekurangan peluang pekerjaan dan perumahan untuk generasi kedua, serta aktiviti ekonomi yang terhad (Zurinah et al., 2024).

Namun demikian, tiada sebarang kajian yang memberi penekanan dalam konteks modal budaya yang berperanan dalam memastikan keberadaan generasi kedua untuk terus kekal dalam industri pertanian kelapa sawit yang juga memberi implikasi yang besar. Sedangkan sekiranya dilihat hasil kajian Andersen dan Jaeger (2015) menunjukkan modal budaya memainkan peranan penting yang melibatkan diri antara satu sama lain dan sumber-sumber ekonomi. Kajian Amir Zal (2016) membuktikan bahawa modal budaya adalah penting dalam mendorong seseorang individu membentuk tingkah laku yang khusus dalam konteks kebebasan membuat keputusan untuk terlibat seperti dalam industri kelapa sawit. Sehubungan itu, bagi melihat keberadaan generasi kedua sawit penekanan kepada pengaruh modal budaya perlu diberi perhatian. Oleh yang demikian itu, penelitian kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti elemen modal budaya yang menjadi faktor pendorong pekebun kecil terus kekal dalam industri sawit dan menganalisis tahap elemen modal budaya yang berperanan dalam memastikan keberadaan generasi kedua di dalam industri sawit.

## Sorotan Literatur

Terdapat ramai pengkaji yang meneliti modal budaya dalam pelbagai sektor seperti sektor sosiologi, sektor pendidikan dan lain-lain. Di dalam kajian-kajian modal budaya, kebanyakan pengkaji lepas cuba untuk

membuktikan dan menghujahkan bahawa keberkesanan modal budaya dalam mempengaruhi tingkah laku mereka yang terlibat dalam sesuatu industri. Penelitian oleh Amir Zal (2016) mengenai modal budaya dan kesannya ke atas kebergantungan kerja komuniti nelayan di Malaysia. Kajian ini meneliti modal budaya yang merangkumi elemen nilai, norma dan sikap bagi memahami tindak balas mereka pada keadaan tertentu. Pengkaji meneroka elemen modal budaya yang merangkumi aspek penggunaan masa lapang, nilai, budaya kerja serta kebergantungan pada aktiviti nelayan. Hasil kajian menunjukkan bahawa elemen nilai adalah penting dalam mendorong responden membentuk tingkah laku yang khusus. Pembentukan sesebuah nilai pernah dibincangkan oleh Ledgerwood et al., (2007) yang mendapati salah satu faktornya adalah desakan oleh persekitaran mereka khususnya berkaitan dengan kebebasan membuat keputusan. May (2012) pula mendapati campur tangan kerajaan secara langsung melalui polisi ke atas nelayan telah memberi impak kepada kehidupan nelayan. Campur tangan oleh pihak kerajaan juga telah mengubah cara hidup dan identiti nelayan yang mana mengancam kelangsungan nelayan (Olson, 2011). Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup nelayan, adalah penting untuk memerhatikan dan mengambil berat elemen nilai. Sebagaimana ditegaskan oleh Schwartz (2006), nilai adalah penting kerana ia memandu tindakan manusia sehingga membentuk standard atau kriteria yang khusus. Justeru itu, nilai merupakan salah satu entiti dalam modal budaya yang penting dalam sesebuah komuniti yang dapat dimanfaatkan untuk tujuan pembangunan komuniti.

Modal budaya memainkan peranan penting dalam kehidupan seseorang pekebun kecil kerana ia adalah aset sosial yang menyuburkan mobiliti sosial dan juga keluarganya (Azlina & Atikah, 2017). Pemilikan modal budaya yang tinggi atau positif secara tidak langsung mempengaruhi prestasi atau kemampuan pekebun kecil dalam menjalani kehidupan seharian mereka bersama-sama dengan pekebun kecil yang lain. Bourdieu (1986) menegaskan bahawa, terdapat beberapa faktor penentu serta faktor penghalang yang mempengaruhi mobiliti sosial seseorang iaitu modal ekonomi, modal sosial dan modal budaya (Sullivan, 2002). Para sarjana menegaskan bahawa pendidikan merupakan kunci kepada mobiliti sosial. Hal ini kerana, melalui pendidikan mereka yang tidak bernasib baik atau hidup dalam kemiskinan semasa zaman kanak-kanak boleh berjaya (Azlina & Atekah, 2017). Namun, selain pencapaian pendidikan, faktor-faktor lain seperti pembangunan psikologi, tingkah laku, strategi keluarga yang menyokong anak-anak daripada segi kewangan, sosial dan budaya, sikap serta motivasi turut mempengaruhi mobiliti sosial individu (Nor Hayati, 2011). Hal ini menunjukkan bahawa, elemen modal budaya memainkan peranan yang sangat penting untuk kehidupan dan berfikiran secara rasional dalam membuat sesuatu tindakan dalam pekerjaan. Menurut Scott (2015) tindakan manusia adalah rasional dan tindakan tersebut sama ada rasional atau tidak rasional dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang akhirnya mempengaruhi tingkah laku sosial seseorang individu.

Dalam masa yang sama, kajian oleh Balaussa (2021) yang menunjukkan modal budaya adalah modal yang terbentuk daripada ibu bapa kepada anak-anak melalui sosial kelas, pekerjaan dan harta. Hal ini jelas dinyatakan oleh Bourdieu (1990) menyatakan bahawa modal budaya lazimnya diamalkan dan telah menjadi warisan sesebuah masyarakat mendorong wujudnya mobiliti sosial dalam budaya kelas atasan. Secara lebih khusus, teori sosiologi Bourdieu (1986) mengenai modal budaya antara generasi merujuk kepada faktor persekitaran, daripada ibu bapa yang membentuk sahsiah individu dalam pelbagai cara termasuk pendidikan dan pilihan pekerjaan (De Graaf et al., 2000). Hal ini menunjukkan bahawa, status sosio-ekonomi ibu bapa memainkan peranan penting dalam membangunkan keperibadian kanak-kanak pada tahap sosial. Bourdieu (1986) berpendapat bahawa anak-anak mewarisi modal budaya ibu bapa mereka dalam bentuk pekerjaan dan status sosial. Bourdieu berpendirian terhadap modal budaya sebagai transmisi antara generasi modal budaya ibu bapa yang memudahkan kegigihan dalam mobiliti sosial dan mempercepatkan motivasi untuk anak-anak memilih laluan pekerjaan (Bourdieu, 1986; Tubadji et al., 2021a). Oleh itu, latar belakang menjadi sangat penting untuk membolehkan pemindahan modal budaya daripada ibu bapa kepada anak-anak mereka dalam pilihan pekerjaan mereka untuk menceburi perniagaan keluarga atau untuk memulakan pekerjaan sendiri.

Malah, memang diakui bahawa keluarga yang mempunyai perniagaan atau firma sendiri lebih cenderung untuk mewariskan perniagaan tersebut kepada anak-anak mereka (Hout & Rosen, 2000; Hoffman et al., 2015). Hal ini kerana, usahawan bapa didapati mempengaruhi niat keusahawanan anak lelaki secara signifikan dan positif pada usia 16 tahun (Burkart et al., 2003; Schoon & Duckworth, 2012). Kajian yang dilakukan oleh Patuelli et al. (2020) melihat bahawa orang muda berumur 15 sehingga 16 tahun dan mengkaji kesan ke atas niat keusahawanan yang terdiri daripada tiga faktor persekitaran iaitu (1) pengaruh ibu bapa, (2)

tekanan rakan sebaya dan (3) kesan daripada kejiranan. Hasil kajian menunjukkan bahawa, wujud kesan yang ketara bahawa ibu bapa memainkan peranan yang kuat terhadap niat pelajar sekolah menengah untuk memulakan perniagaan mereka. Sejauh mana pengaruh modal budaya ibu bapa berhubung dengan kecenderungan keusahawanan melangkaui satu generasi dan boleh termasuk datuk juga, sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui ibu bapa mereka. Terdapat satu lagi sumbangan kajian yang dijalankan oleh Lo Bello dan Morchio (2021) yang menjelaskan bahawa anak lelaki akan cepat memasuki pasaran buruh oleh disebabkan peranan bapanya namun dengan tawaran gaji yang lebih rendah. Hal ini jelas membuktikan bahawa, pengaruh modal budaya ibu bapa memainkan peranan penting yang akan mempengaruhi anak-anak mereka untuk terus kekal di dalam industri seperti mereka.

Jing Xu et al. (2021) di dalam kajian “*The Impact of Family Capital on Farmers’ Participation in Farmland Transfer: Evidence from Rural China*” telah membuktikan bahawa modal budaya dipengaruhi oleh tahap pendidikan, pengetahuan dan kemahiran, visi serta keupayaan keluarga untuk menyelesaikan masalah yang turut akan mempengaruhi tingkah laku. Petani yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi dan mempunyai kemahiran yang baru seperti menggunakan internet, lebih cenderung untuk mendapatkan pekerjaan bukan pertanian, manakala mereka yang mempunyai tahap pendidikan rendah dan kurang berkemahiran lebih bergantung kepada pengeluaran pertanian, dan hanya boleh meningkatkan faedah mereka dengan memperluaskan skala operasi pertanian (Jing Xu et al., 2021). Justeru itu, petani yang mempunyai pendidikan tinggi dan kemahiran yang mencukupi lebih cenderung untuk memindahkan sumber tanah kepada mereka yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih rendah dan kurang kemahiran. Keluarga yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi mempunyai peluang pekerjaan yang lebih luas, memandangkan mereka mempunyai kemahiran bekerja yang tinggi yang akhirnya akan memindahkan sumber tanah mereka kepada yang memerlukan. Sebaliknya, individu yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah peluang pekerjaan selain bidang pertanian adalah terhad yang akhirnya mereka akan terus kekal di dalam bidang pertanian. Hal ini jelas membuktikan bahawa, pendidikan dan kemahiran memainkan peranan penting yang menjadikan mata wang untuk memanfaatkan modal lain. Secara konklusinya, didapati belum ada pengkaji yang meneliti penglibatan generasi kedua sawit dalam konteks modal budaya,

## Metodologi

Kajian ini dijalankan melalui reka bentuk kajian tinjauan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif. FELDA Jengka 5 (Kekwa), Maran Pahang Darul Makmur telah dipilih kawasan kajian. Pemilihan kawasan kajian rasional kerana daerah Maran merupakan salah satu daerah yang terbesar di dalam negeri Pahang Darul Makmur (Anon, 2022). Justifikasi pemilihan FELDA Jengka 5 (Kekwa), Pahang kerana ia mempunyai kawasan tanaman sawit seluas 1,301.84 hektar dan 134.65 hektar kawasan perkampungan dengan jumlah penduduknya seramai 2,063 orang (Rancangan FELDA Jengka 5 Kekwa, 2023). Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah dalam bentuk soal selidik. Soal selidik mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Terangkan mengenai instrumen setiap bahagian. Sebelum penerangan mengenai analisis, masukkan keterangan mengenai proses pengumpulan data kajian. Bahagian B borang soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu kaedah min skor. Selain itu, interpretasi skor min digunakan untuk melihat tahap persetujuan responden terhadap elemen modal budaya yang berperanan dalam memastikan keberadaan generasi kedua pekebun kecil untuk terus kekal dalam industri sawit (rujuk Jadual 1).

Jadual 1. Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi Skor Min	Klasifikasi
1.00 hingga 2.33	Rendah	Sangat Tidak Setuju/ Tidak Setuju
2.34 hingga 3.66	Sederhana	Tidak Pasti
3.67 hingga 5.00	Tinggi	Setuju/ Sangat Setuju

Sumber: Hills et al. (1988)

## Hasil Kajian

Latar belakang dan maklumat demografi ditunjukkan melalui Jadual 2.

Jadual 2. Demografi responden

Aspek	Kategori	Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	123	81.5
	Perempuan	27	17.9
Umur	15 - 25 tahun	2	1.3
	26 - 30 tahun	10	6.6
	31 - 40 tahun	36	23.8
	41 - 50 tahun	50	33.1
	51 -60 tahun	53	35.1
	61 tahun ke atas	0	0
Status Perkahwinan	Balu/Janda	6	4.0
	Bercerai	1	0.7
	Berkahwin	132	87.4
	Bujang	12	7.9
Bilangan Isi Rumah	1 Hingga 3 Orang	65	43.0
	4 Hingga 6 Orang	64	42.4
	7 Hingga 9 Orang	22	14.6
	Lebih dari 10 Orang	0	0
Etnik/Bangsa	Melayu	151	100
	Cina	0	0
	India	0	0
	Lain-Lain	0	0
Agama	Islam	151	100
	Hindu	0	0
	Buddha	0	0
	Lain-lain	0	0
Tahap Pendidikan	SRP/PMR/PT3	28	18.5
	SPM	75	49.7
	STPM	17	11.3
	Diploma	4	2.6
	Ijazah	27	17.9
Tempoh penglibatan dalam sektor kelapa sawit	Dari 1 - 2 Tahun	27	17.9
	Dari 2 - 4 Tahun	51	33.8
	Lebih dari 5 tahun dan ke atas	73	48.3
Keluasan kebun kelapa sawit	Kurang 5 ekar	14	9.3
	6 - 10 ekar	129	85.4
	11 - 20 ekar	8	5.3
	Lebih 21 ekar	0	0
Umur pokok sawit	Kurang 3 tahun	25	16.6
	Lebih 4 tahun	126	83.4
Pengurusan Ladang	Persendirian/Urus sendiri	151	100
	FELDA	0	0
	MPOB	0	0
	RISDA	0	0
	FELCRA	0	0
	Lain-lain	0	0

Sumber: Kajian lapangan (2023)

Terdapat 151 orang penduduk Felda generasi ke-2 yang telah memberi respon kepada soal selidik yang diedarkan. Didapati 23 orang (81.5%) adalah lelaki dan seramai 27 orang (17.9%) adalah Wanita, yang mana majoriti responden adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Daripada segi umur, responden dalam lingkungan umur antara 51 hingga 60 tahun adalah paling ramai iaitu 53 orang (35.1%). Ini disebabkan kebanyakan pekebun kecil sawit persendirian terdiri daripada generasi kedua yang majoritinya meneruskan pekerjaan ibu bapa mereka sebagai pekebun sawit. Malah, pekebun dalam lingkungan umur ini menjadi keprihatinan banyak pihak kerana golongan belia kurang berminat dalam aktiviti pertanian (Abazue et al., 2015, Raymond et al., 2014). Manakala, responden dalam lingkungan umur antara 15 hingga 25 tahun

merupakan responden yang paling sedikit iaitu 2 orang responden bersamaan dengan (1.3%). Hal ini kerana, lingkungan umur ini sudah melanjutkan pengajian ke peringkat universiti.

Daripada segi pemilikan saiz kebun pula, seramai 129 orang responden atau 85.4% mempunyai keluasan kebun kelapa sawit sebanyak 6 hingga Hasil penelitian terhadap pekebun kecil sawit persendirian, Ketua Kampung menjelaskan bahawa seorang peneroka memiliki maksimum 10 ekar tanah sawit. Hal ini jelas membuktikan bahawa majoriti daripada mereka memiliki keluasan kebun kelapa sawit 6 hingga 10 ekar. Malah, majoriti responden memiliki pokok sawit berumur dalam lingkungan lebih daripada 4 tahun iaitu seramai 126 orang atau 83.4% Majoriti responden menguruskan ladang secara persendirian. Hal ini kerana, terdapat sebahagian pekebun kecil sawit pada mulanya berada di bawah skim FELDA namun memilih untuk tidak meneruskan selepas perjanjian matang 15 tahun pertama. Perkara ini disokong dengan data statistik yang menunjukkan hanya sekitar 17 ribu orang daripada 112,635 peneroka yang mengusahakan sendiri dan tidak menyerahkan kebun mereka kepada pihak pengurusan FELDA (Naraza Muda, 2017). Namun, mereka yang tidak bersama FELDA ini terpaksa berdikari tanpa apa-apa kemudahan atau bantuan daripada FELDA. Malah, mereka terpaksa mengurus dengan segala kepayahan dan tekanan. Walaupun begitu, golongan ini antara peneroka yang tidak memiliki hutang yang besar dengan pihak FELDA (Naraza Muda, 2017).

### **Perbincangan**

Analisis terhadap elemen yang mendorong pekebun kecil sawit untuk kekal dalam industri sawit mendapati terdapat enam elemen modal sosial yang merangkumi elemen nilai, sikap, budaya kebendaan, pengetahuan, kemahiran dan faktor persekitaran. Setiap aspek mengandungi sepuluh (10) item soalan. Interpretasi Skor Min (Hills et al., 1988) digunakan bagi menjelaskan klasifikasi tahap persetujuan terhadap enam elemen modal budaya yang menyebabkan pekebun kecil sawit persendirian generasi kedua terus kekal dalam industri ini.

Jadual 3 menunjukkan skor min keseluruhan bagi elemen modal budaya yang mendorong pekebun kecil sawit untuk terus terlibat dalam industri ini. Analisis menunjukkan bahawa elemen sikap mempunyai nilai min skor keseluruhan yang paling tinggi iaitu sebanyak 4.06. Hal ini jelas membuktikan, majoriti responden sangat setuju bahawa elemen sikap dapat mempengaruhi mereka untuk terus kekal dalam industri sawit. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka memegang prinsip bahawa sifat kerajinan yang dimiliki oleh seseorang mampu memberi output yang lumayan. Pernyataan ini disokong dengan hasil daripada temu bual bersama pekebun-pekebun kecil persendirian sawit yang menyatakan, sekiranya mereka tidak mengambil peduli atau malas mengendalikan kebun mereka, maka hasil yang diterima juga tidak lumayan seperti yang dijangka. Sikap yang tidak mengambil endah mampu memberi implikasi yang besar terhadap pengurusan kebun mereka misalnya kebun menjadi semak-samun, pokok tidak berbuah dan sebagainya. Oleh yang demikian, mereka perlu berusaha dengan lebih tekun untuk mendapatkan hasil yang lebih lumayan. Ini membuktikan bahawa, sikap dapat mempengaruhi cara seseorang berfikir, mentafsir persekitaran mereka dan seterusnya membentuk tindakan yang diambil (Azlina & Atekah, 2017). Ini bermakna, apabila mereka mempunyai sikap yang positif atau baik dapat mempengaruhi tindakan mereka terhadap pekerjaan yang mereka lakukan. Oleh yang demikian, sikap positif seperti rajin, tidak berputus asa dan lain-lain perlu dimiliki oleh kesemua pekebun kecil sawit agar dapat membantu mereka meningkatkan hasil pengeluaran sawit.

Sementara itu, elemen kemahiran mencatatkan nilai min skor keseluruhan yang paling rendah berbanding elemen-elemen modal budaya yang lain iaitu sebanyak 3.42. Melalui interpretasi skor min mendapati bahawa majoriti responden tidak pasti dengan kenyataan-kenyataan yang dikemukakan di dalam aspek kemahiran. Hal ini bersangkut paut dengan tahap pendidikan yang dimiliki oleh responden, di mana majoriti mereka hanya memiliki tahap pendidikan di peringkat sekolah rendah dan menengah sahaja. Hal ini mengakibatkan, ilmu atau teknik-teknik yang dimiliki oleh mereka terbatas atau sekadar meneruskan tradisi ibu bapa mereka tanpa sebarang inovasi yang dilakukan. Dalam masa yang sama, majoriti daripada responden berusia sekitar 41 sehingga 60 tahun yang menyukarkan mereka untuk meningkatkan kemahiran atau teknik-teknik dalam bidang kelapa sawit ini. Malah, terdapat sebilangan daripada responden menyatakan bahawa, mereka tidak mengetahui atau tidak mengambil endah terhadap peluang yang diberikan oleh pihak-pihak agensi terlibat untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang ini. Misalnya, program-program yang dilakukan oleh pihak TUNAS yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mereka menguruskan ladang kelapa sawit dengan baik. Namun, tidak mendapat sambutan yang baik malah mereka selesa dengan teknik-teknik yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, hal ini bertentangan dengan kajian yang dilakukan oleh Ildiko (2014) yang memberi tumpuan kepada pemindahan antara generasi serta penjana masa hayat sumber material dan bukan material yang digerakkan untuk penciptaan perusahaan ladang keluarga. Kemahiran dilihat sebagai elemen modal budaya yang penting untuk membolehkan seseorang untuk berkembang di dalam kerjaya (Ildiko, 2014). Kemahiran selain daripada bidang pertanian turut diperlukan di dalam keusahawanan pertanian pada masa kini (Harcza, 1995). Ildiko (2014) juga mendapati bahawa kemahiran merupakan mekanisme yang dapat ditukar kepada modal ekonomi. Walaupun demikian, di dalam kajian ini elemen kemahiran di lihat kurang mendapat perhatian oleh pihak responden. Hal ini tercetus apabila, pekebun kecil kelapa sawit kurang bersemangat untuk meningkatkan latihan kemahiran dalam bidang pertanian mereka (Saad et al., 2022). Bagi mereka, kemahiran yang sedia ada ini telah mencukupi untuk mereka terus kekal dalam sektor pertanian sawit ini. Namun, mereka tidak sedar bahawa perkembangan teknologi pada masa kini semakin meluas dan mampu menghasilkan output yang berkualiti dan cepat. Lantaran itu, adalah penting untuk pekebun kecil kelapa sawit bersedia melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam industri sawit.

Jadual 3. Elemen modal budaya

Aspek	Nilai Min Keseluruhan	Interpretasi Skor Min
Nilai	3.80	Tinggi
Sikap	4.06	Tinggi
Budaya Kebendaan	3.97	Tinggi
Pengetahuan	3.55	Sederhana
Kemahiran	3.42	Sederhana
Faktor Persekitaran	3.97	Tinggi

Sumber: Kajian lapangan (2023)

Berdasarkan dapatan kajian ini jelas membuktikan bahawa, elemen-elemen modal budaya seperti nilai, sikap, budaya kebendaan, pengetahuan, kemahiran serta faktor persekitaran yang dimiliki didapati telah memberi kesan terhadap tingkah laku pekebun-pekebun kecil untuk membuat keputusan terus kekal di dalam industri pertanian kelapa sawit. Hal ini jelas, apabila Scott (2015) memberi penekanan kepada tingkah laku sosial seseorang individu dalam mengekalkan keterlibatan mereka dalam industri kelapa sawit.

Sehubungan itu, penemuan kajian ini berkait rapat dengan tahap persetujuan pekebun kecil sawit persendirian terhadap faktor yang mempengaruhi mereka untuk terus kekal di dalam industri pertanian kelapa sawit dengan menggunakan elemen-elemen modal budaya. Kajian ini juga berbeza dengan kajian lain kerana, kajian ini memberi penekanan dalam konteks pekebun kecil sawit persendirian generasi kedua. Ini kerana, statistik pekebun kecil tempatan menunjukkan sebanyak 43.8 (%) pekebun daripada golongan yang berumur 55 tahun dan ke atas masih kekal aktif dalam industri sawit. Walaupun terdapat pelbagai persepsi negatif yang telah dilontarkan oleh masyarakat awam terhadap industri minyak kelapa sawit, namun masih terdapat segelintir daripada mereka masih bergiat aktif dalam industri ini. Justeru itu, adalah penting untuk mengetahui mengapa mereka masih kekal dalam industri ini agar dapat mengubah persepsi negatif masyarakat umum. secara tidak langsung, dapat meningkatkan penyertaan pekebun kecil tempatan dalam industri pertanian kelapa sawit. Secara umumnya, generasi ke-2 yang terlibat mempunyai tahap persetujuan yang sederhana ke tinggi mengenai elemen modal budaya yang berperanan dalam memastikan keberadaan mereka dalam industri pertanian kelapa sawit. elemen sikap budaya kebendaan, faktor persekitaran serta nilai menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi oleh responden, manakala elemen pengetahuan dan elemen kemahiran menunjukkan tahap persetujuan responden adalah pada tahap sederhana. dapatan ini merupakan tahap persetujuan daripada responden terhadap elemen modal budaya yang mendorong mereka untuk terus kekal dalam industri pertanian kelapa sawit.

Perbincangan oleh pengkaji-pengkaji lepas mendapati bahawa, modal budaya merangkumi dua belas (12) elemen iaitu nilai, sikap, cara berfikir, budaya material, budaya bukan material, faktor persekitaran dan pengaruh ibu bapa, pengetahuan, kemahiran, tingkah laku, kelayakan, bahasa dan keupayaan teknologi. Walau bagaimanapun, di dalam kajian ini pengkaji meneliti enam (6) elemen utama iaitu (1) nilai, (2) sikap, (3) budaya kebendaan, (4) pengetahuan, (5) kemahiran dan (6) faktor persekitaran. Hal ini adalah kerana, pengkaji lepas seperti Azlina Abdullah dan Ateah Amdan (2017) serta Xu et al., (2021) yang menyatakan elemen




modal budaya seperti nilai, sikap, budaya kebendaan, pengetahuan dan kemahiran memainkan peranan penting dalam kehidupan seseorang pekebun kecil bagi menyuburkan mobiliti sosial dan juga keluarga mereka. Dalam masa yang sama, Balansa (2021) juga menjelaskan bahawa modal budaya adalah modal yang terbentuk hasil daripada pengaruh persekitaran seseorang individu seperti ibu bapa, persekitaran, rakan-rakan dan sebagainya. Secara tidak langsung, kajian ini dapat memberi sumbangan yang baharu terhadap kajian modal.

Berdasarkan dapatan, pembangunan model elemen modal budaya yang berperanan dalam memastikan keberadaan generasi kedua terus kekal dalam industri sawit telah dapat dibangunkan (Rujuk Rajah 1). Terdapat enam (6) elemen yang menjadi faktor pendorong pekebun kecil sawit persendirian generasi kedua untuk terus kekal dalam industri ini iaitu nilai, sikap, budaya kebendaan, faktor persekitaran, pengetahuan dan kemahiran. Melalui keenam-enam elemen ini mendapati bahawa hanya empat (4) elemen sahaja yang mendapat persetujuan paling tinggi yang mendorong mereka untuk terus kekal dalam industri sawit. Antaranya adalah elemen sikap, budaya kebendaan, faktor persekitaran dan nilai yang telah mempengaruhi secara langsung terhadap tingkah laku mereka dalam aktiviti pertanian kelapa sawit. Tingkah laku yang dimiliki oleh mereka secara tidak langsung akan mempengaruhi mereka membuat keputusan untuk terus kekal dalam industri pertanian kelapa sawit. Walaupun begitu, hasil keseluruhan kajian menunjukkan hasil yang positif terhadap tahap persetujuan yang mendorong mereka kekal dalam industri sawit ini. Oleh yang demikian, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa kerangka ini boleh digunakan untuk mengkaji elemen modal budaya dalam memastikan keberadaan generasi kedua terus kekal dalam industri kelapa sawit.

Kajian ini mendapati majoriti daripada responden mempunyai tahap persetujuan yang paling tinggi dalam elemen berkaitan dengan sikap. Hal ini dikatakan demikian kerana, majoriti daripada responden memegang prinsip bahawa sifat rajin, jujur, tidak mudah putus asa, bertanggungjawab dan yakin yang dimiliki oleh seseorang akan mempengaruhi produktiviti mereka dalam penghasilan tanaman kelapa sawit. Oleh yang demikian, mereka perlu berusaha dengan lebih tekun untuk mendapatkan hasil yang lebih lumayan. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa, penilaian positif serta kepercayaan yang dipegang oleh pekebun sawit terhadap pengalaman yang mereka alami telah mempengaruhi tingkah laku mereka terhadap penghasilan kerja di dalam sektor sawit. Ini menyokong pandangan Azlina & Ateka (2017) bahawa sikap dapat mempengaruhi cara seseorang berfikir, mentafsir persekitaran mereka dan seterusnya membentuk tindakan yang diambil. Ini jelas membuktikan bahawa elemen sikap merupakan faktor utama yang mendorong pekebun kecil sawit persendirian generasi kedua untuk terus kekal dalam industri pertanian kelapa sawit.

Selain itu, analisis juga menunjukkan bahawa elemen budaya kebendaan, faktor persekitaran serta nilai turut mempunyai tahap persetujuan yang tinggi dalam mendorong pekebun kecil sawit persendirian generasi kedua untuk terus kekal dalam industri ini. Walaupun begitu, elemen budaya kebendaan jarang dibincangkan di dalam kajian-kajian terdahulu mengenai modal budaya berbanding dengan elemen faktor persekitaran serta nilai. Namun, hasil kajian telah membuktikan bahawa elemen budaya kebendaan juga boleh mendorong pekebun kecil sawit persendirian generasi kedua untuk terus kekal di dalam industri ini. Antara sebab responden masih kekal dalam industri ini adalah disebabkan oleh responden telah mengubah cara penanaman dengan pengaplikasian teknologi dalam penanaman kelapa sawit. Sekali gus, dapat meningkatkan produktiviti serta pendapatan mereka. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, pengaplikasian teknologi moden dalam perladangan kelapa sawit memberikan persepsi yang positif kepada pekebun dan peladang kelapa sawit di kawasan kajian. Ini kerana, penggunaan teknologi moden dapat dilihat dari segi komponen kecekapan, produktiviti dan juga inovasi. Malah, teknologi-teknologi yang digunakan membantu pekebun kecil sawit dalam mendapatkan hasil kelapa sawit per sehari.



Rajah 1. Model elemen modal budaya yang mempengaruhi tingkah laku generasi kedua sawit  
 Sumber: Kajian lapangan (2023)

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, modal budaya memainkan peranan penting dalam kehidupan seseorang pekebun kecil sawit kerana ia adalah aset sosial yang dapat menyuburkan mobiliti sosial terhadap individu mahupun keluarga. Pemilikan modal budaya yang tinggi atau positif secara tidak langsung mempengaruhi prestasi atau kemampuan pekebun kecil sawit dalam menjalani kehidupan seharian mereka bersama-sama dengan komuniti pekebun kecil yang lain. Elemen-elemen dalam modal budaya yang merangkumi elemen nilai, sikap, budaya kebendaan, pengetahuan, kemahiran serta faktor persekitaran yang dimiliki membolehkan pekebun kecil tidak mudah goyah dengan pendirian mereka dalam aktiviti pertanian sawit. Berdasarkan dapatan kajian ini jelas membuktikan bahawa, elemen-elemen modal budaya seperti nilai, sikap, budaya kebendaan, pengetahuan, kemahiran serta faktor persekitaran yang dimiliki didapati telah memberi kesan terhadap tingkah laku pekebun-pekebun kecil untuk membuat keputusan terus kekal di dalam industri pertanian kelapa sawit. Tambah implikasi kajian dan cadangan kajian masa depan

**Penghargaan:** Perhargaan kepada geran TAP K007771 Universiti Kebangsaan Malaysia kerana membiayai kajian ini.

**Kenyataan Izin Termaklum:** Persetujuan termaklum telah diperolehi daripada semua responden kajian ini.

**Konflik kepentingan:** Pengarang mengisytiharkan tiada konflik kepentingan dalam penghasilan artikel ini.

## Rujukan

- Abdullah N, Ahmad S.A, & Ayob M.A. (2016). Labour force participation of rural youth in plantation sector of Northern Peninsular Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 50(2), 83-92.
- Zal, W. A. (2016). Fragility and capacity building of social capital of Malaysian fishermen. *Ocean & Coastal Management*, 119, 177-183.
- Andersen, I. G., & Jaeger, M. M. (2015). Cultural capital in context: Heterogeneous returns to cultural capital across schooling environments. *Social science research*, 50, 177-188.
- Azlina Abdullah & Atekah Amdan. (2017). Modal budaya dan mobiliti sosial pekebun kecil getah di Alor Gajah, Melaka. *Geografi*, 5(3), 112-117.
- Azubayeva, B. (2021). The impact of cultural capital on development of entrepreneurship in wales. *Administrative sciences*, 11(4), 152.
- Bourdieu, P., & Passeron, J. C. (1990). *Reproduction in education, society and culture* (Vol. 4). Sage.
- Bourdieu, P. (1997). *The forms of capital* In AH Halsey (Ed.), Education: Culture, economy and society.
- Bourdieu P. (1984). *Distinction: A social critique of the judgement of taste*. Routledge & Kegan Paul.
- Bourdieu P. (1985.a). The social space and the genesis of groups. *Theory and Society*, 14, 723-744.
- Bourdieu P. (1986). *The forms of Capital*. In *Handbook of Theory and Research for the Sociology of Education*. In J. G. Richardson (Ed.), (pp. 241–258). Greenwood Press
- Bourdieu P & Passeron. (1990). *Reproduction in education, society and culture*. (Second ed). Sage.
- Bourdieu P. (1997). *The forms of capital*. In A. H. Halsey, H. Lauder, P. Brown, & A. S. Wells (Eds.). *Education: Culture, economy, and society*. (pp. 46-58). Oxford University Press.
- Burkart, Mike, Fausto Panunzi, & Andrei Shleifer. (2003). Family firms. *The Journal of Finance*, 58, 2167–201.
- De Graaf, N. D., De Graaf, P. M., & Kraaykamp, G. (2000). Parental cultural capital and educational attainment in the Netherlands: A refinement of the cultural capital perspective. *Sociology of Education*, 92-111.
- Ehsan A. Marisah. (2022). FELDA giat tangani isu kekurangan buruh, perkasa generasi baharu. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/FELDA-giat-tangani-isukekurangan-buruh-perkasa-generasi-baharu-367665> [19 Jun 2023].
- Ferdous Alam A.S.A, Er A.C. & Halima Begum. (2015). Malaysian oil palm industry: Prospect and problem. *Journal of Food, Agriculture & Environment*, 13(2), 143-148.
- Fuzirah H, Kesumawati A.B & Siti Hamin S. (2019). Sikap dan Motivasi Generasi Muda terhadap Industri Minyak Kelapa Sawit. *e-BANGI: Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(4), 1-17.
- Gneiting, U., & Sonenshine, J. (2018). *A living income for small-scale farmers: Tackling unequal risks and market power*. OXFAM Discussion Paper. November: 1-24. <https://oxfamlibrary.openrepository.com/bitstream/handle/10546/620596/dplivingincomesmallscalefarmers-151118-en.pdf>.
- Hout, Michael & Harvey S. Rosen. (1999). Self-employment, family background, and race. *Journal of Human Resources*, 35, 670-92.
- Idris, N. A. (2004). Mobiliti sosial di kalangan generasi kedua Felda. *Akademika*, 64(1), 83-95.
- Idris, N. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan*. McGraw-Hill Education.
- Kamaruddin, R., Abdullah, N., & Ayob, M. A. (2018). Determinants of job satisfaction among Malaysian youth working in the oil palm plantation sector. *Journal of Agribusiness in Developing and Emerging Economies*, 8(4), 678-692.
- Ledgerwood, A., Liviatan, I., & Carnevale, P. J. (2007). Group-identity completion and the symbolic value of property. *Psychological science*, 18(10), 873-878.
- Lo Bello, S., & Morchio, I. (2021). *The optimal allocation of talent across generations*. Working Paper. [631, 640, 641, 643].
- May, C. K. (2012). Active non-participation among local natural resource-dependent communities: The case of North Carolina fisheries governance. *Journal of Environmental Management*, 113, 407-416.

- Mohd Anwar, Meor Riduwan, Hidir Reduan & Nor Ain (2018). Parlimen: Peluang terbuka luas di ladang FELDA. *Berita Harian*. <https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2018/03/405101/parlimen-peluang-terbuka-luas-di-ladang-FELDA> 19 Jun 2023.
- Nazura Ngah, Hazwan Faisal Mohamad & Fahmy Azril Rosli. (2017). Lebih 1.7 Juta pekerja asing sah di Malaysia. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/07/306310/lebih-17j-pekerja-asing-sah-di-malaysia> 18 Oktober 2022.
- Norhasni Z. A., Mohd Asraff, M. A., & Anzar A. (2015). Penglibatan belia dalam pertanian komersial dan perkembangan industri pertanian di Malaysia. *South-East Asian Journal for Youth, Sports and Health Education*, 1(1), April 2015.
- Noordeyana Tambi, N., Choy, E. A., Yusoff, N. H., Abas, A., & Halim, U. L. (2021). Well-being challenges of palm oil smallholders community. *e-BANGI: Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(2), 262-278.
- Olson, J. (2011). Understanding and contextualizing social impacts from the privatization of fisheries: An overview. *Ocean & Coastal Management*, 54(5), 353-363.
- Patuelli, R., Santarelli, E., & Tubadji, A. (2020). Entrepreneurial intention among high-school students: the importance of parents, peers and neighbors. *Eurasian Business Review*, 10, 225-251.
- Roslina K, Amizi, M., Abdullah, N., Ali, J., & Aznor, S. (2016). Job satisfaction among Malaysia youth working in the oil palm plantation sector: Analysis of attraction and repulsion factors. *Proceedings of the 3rd Kuala Lumpur International Agriculture, Forestry and Plantation*, Hotel Putra, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Saad, S., Selvadurai, S., Isnin, M. K. A., Basaruddin, N. H., & Mansor, N. H. (2016). Sustainability of youth involvement in palm oil sector. *International Journal of Management and Applied Science*, 2(10), 89-93.
- Saad, S., Zaimah, R., Lyndon, N., & Azima, A. M. (2022). Penglibatan dan Produktiviti Buruh Tempatan dalam Industri Kelapa Sawit. *e-BANGI: Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(6), 113-125.
- Schwartz, S. H. (2006). *Basic human values: An overview. Theory, methods, and applications*. <http://www.fmag.unict.it/>.
- Scott J. (2015). *Understanding contemporary society: Theories of the present*. <https://www.soc.iastate.edu>.
- Surianshah W.N.S, Sieng L.W, Mohd Salleh N.M, Idris S.H.M. (2021). Faktor mempengaruhi penglibatan belia dalam sektor perladangan kelapa sawit. *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 28(1), 115-140.
- Sullivan, A. (2002). Bourdieu and education: How useful is Bourdieu's theory for researchers? *Netherlands Journal of Social Sciences*, 38, 144-166.
- Sulistiyati, M., & Firman, A. (2019, October). The Analysis of Poverty Trap on Smallholder Dairy Farms in Pangalengan Area. In *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* (Vol. 334, No. 1, p. 012058). IOP Publishing.
- Suraiya Ishak, S., Omar, A. R. C., & Manaf, A. A. (2022). Faktor Mempengaruhi Pendapatan Sawit: Perspektif Pekebun Kecil. *e-BANGI: Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(6), 1-14.
- Tosun, C. (2000). Limits to community participation in the tourism development process in developing countries. *Tourism management*, 21(6), 613-633.
- Waarts, Y. R., Janssen, V., Aryeetey, R., Onduru, D., Heriyanto, D., Aprillya, S. T., ... & Ingram, V. J. (2021). Multiple pathways towards achieving a living income for different types of smallholder tree-crop commodity farmers. *Food Security*, 13(6), 1467-1496.
- Xu, J., Huang, J., Zhang, Z., & Gu, X. (2021). The impact of family capital on farmers' participation in farmland transfer: Evidence from rural China. *Land*, 10(12), 1351.
- Zhu, W. (2005). A Non-Economic Interpretation of "Capital": Bourdieu's Concept of "Cultural Capital". *Social Science*, 06, 117, 123.
- Zurinah Tahir, Rahim, N. I. S., Idris, M. Y., Ishak, S., Zakaria, S. R. A., & Saidi, Z. A. (2024). Kajian Faktor Sosioekonomi dalam Meningkatkan Nilai Komersial Tanaman Sawit dan Pembangunan FELDA. *e-BANGI: Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(1).